

TRADISI SENI TATU SEBAGAI INTREPRETASI FALSAFAH ALAM TAKAMBANG JADI GURU DALAM BUDAYA MASYARAKAT IBAN

TRADITION OF TATTOO ART AN INTERPRETATION OF NATURAL PHILOSOPHY OF 'ALAM TAKAMBANG JADI GURU' IN IBAN CULTURE

**Mohammad Sufiyan bin Ali Osman^{1*}
Adilawati Asri²**

Faculty of Applied and Creative Art, Universiti Malaysia Sarawak
94300, Kota Samarahan, Sarawak Malaysia

Corresponding Author (s): Mohammad Sufiyan bin Ali Osman (email:
alfiyanosman@gmail.com)

ABSTRAK

Penyelidikan ini menjelaskan tentang sesuatu kearifan tradisi yang berkaitan dengan warisan kesenian masyarakat Iban, iaitu seni tatu. Simbolisme ke arah unsur-unsur alam semula jadi sering digunakan untuk menyatakan pelbagai idea dan makna tentang amalan, budaya dan kehidupan mereka. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhan. Data yang diperoleh melalui pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual daripada informan yang pakar dalam seni tatu. Keseluruhan penyelidikan ini mendapati bahawa minda manusia dibina daripada sifat, ciri dan bentuk alam semula jadi. Manusia belajar daripada alam semula jadi dan mencipta estetika di samping memperlihatkan keupayaan berasimilasi dengan alam sehingga wujudnya falsafah *alam takambang jadi guru*. Alam semula jadi dijadikan sebagai guru, iaitu pemikiran manusia dibina daripada alam semula jadi. Ini bermakna alam semula jadi berkembang mengajar manusia untuk berfikir secara kreatif dan menghasilkan sesuatu penciptaan yang menggunakan unsur alam semula jadi sebagai sumber idea, iaitu seni tatu. Setiap perkara dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia mungkin tidak boleh dipisahkan dengan alam semula jadi. Masyarakat Iban tinggal di persekitaran alam semula jadi. Bagi mereka, alam semula jadi dijadikan sebagai guru untuk menyelesaikan semua masalah yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Bagi sesetengah individu dalam masyarakat Iban, mereka mahir dalam mencipta hasil seni yang menggunakan unsur-unsur alam semula jadi yang wujud di persekitaran mereka. Nilai-nilai estetika pada seni tatu juga dapat dilihat pada motif dan reka corak yang dihasilkan dengan berinspirasi unsur alam semula jadi. Ini menunjukkan bahawa alam semula jadi sebagai guru atau istilah berfikir di samping simbol ketekunan dan psikologi pembuat tatu. Melalui alam semula jadi, masyarakat Iban menghasilkan kreativiti yang menggunakan sumber alam pada tradisi seni tatu yang menunjukkan kearifan tradisi dalam budaya mereka.

Kata kunci : alam semula jadi, masyarakat Iban, seni, tradisi seni tatu, kearifan tradisi.

ABSTRACT

This research explains about a local wisdom related to the Iban community of heritage, like tattoo's. Symbolism towards the elements of nature is often used to express various ideas and meanings about their practices, culture and life. This research use a fully qualitative as a main approach. Data obtained through a qualitative approach using observational methods and interviews from informants that have expertise on tattoos. This research shows that the human mind is built from the nature, characteristics and forms of nature. Human learns from nature and create aesthetics while showing the ability to assimilate with nature so that there is a philosophy of nature being a teacher. It show that human mind is built from nature. This means that the evolving nature teaches people to think creatively and produce a creation that uses the elements of nature as a source of ideas. Every thing and event that happens in human life may not be inseparable from nature. The Iban community live in a natural environment. For them, nature is used as a teacher to solve all the problems that occur in their daily lives. Some individuals in Iban community, they have a skilled in creating work of arts that use the natural sources that exist in their environment. The aesthetic value of tattoos can also be seen in the motifs and designs produced by inspiring the source of nature. It shows that nature as a teacher or mind thinking in addition to the symbol of perseverance and psychology the of tattoo maker. Through nature, the Iban community produce creativity that uses natural sources in the tradition of tattoos that shows the local wisdom as well as their culture.

Keywords *nature, Iban society, art, tattoo tradition, wisdom tradition.*

PENDAHULUAN

Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan bagi meneroka kearifan tradisi yang berkaitan tentang selok belok kebudayaan dan kesenian tradisional dalam kehidupan masyarakat Iban di Sarawak. Setiap masyarakat mempunyai aspek kearifan tradisi yang diperlihatkan di dalam kehidupan seharian mereka. Bagi sesebuah kearifan tradisi, ia berpaksikan kepada pembentukan kerangka pemikiran dan cara hidup oleh sesebuah kelompok masyarakat.

Masyarakat Iban juga mempunyai budaya yang unik iaitu seni tatu. Seni tatu merupakan suatu budaya yang diwarisi sejak turun-temurun oleh masyarakat Iban di Sarawak. Tatu tradisional masyarakat Iban terkenal dengan kepelbagaian motif yang penuh dengan nilai estetika dan pengaruhnya yang tersendiri. Menurut (Sabang, 2014) antara contoh motif tatu tradisional masyarakat Iban adalah *Pala Tumpa, Buah Klauh, Bungai Terung, Ukir Rekung, Kala Pah, Entegulun, Buah Engkabang, Buah Andu* dan *Kara Jangkam*. Setiap tatu tersebut mempunyai reka letak yang tersendiri pada setiap bahagian badan. Reka corak motif tatu tersebut juga dipercayai berkait rapat dengan unsur perlindungan yang dapat melindungi masyarakat Iban daripada roh-roh jahat, musuh, kemalangan dan penyakit menurut (Tugang, 2021).

Masyarakat Iban mempunyai beberapa tujuan yang tersendiri untuk mencacah tatu pada bahagian badan mereka. Pada zaman dahulu, tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban adalah

bertujuan untuk melambangkan status sosial seseorang individu. Tatu juga tidak boleh dicacah sembarangan pada anggota badan atas perasaan meminati sesuatu motif tatu tersebut. Ini kerana setiap motif tatu yang dihasilkan mempunyai maksud yang tersendiri, kekuatan diri dan kejayaan yang dicapai oleh seseorang individu tersebut. Berbeza pula pada masa kini, seni tatu adalah lebih kepada tujuan untuk perhiasan, kecantikan dan keunggulan diri.

Melalui falsafah *Alam Takambang Jadi Guru* oleh (Navis, 1984) yang disesuaikan dengan cara hidup masyarakat Iban, maka mereka dapat memperlihatkan keindahan alam pada seni tatu. Ini kerana pengaplikasian sumber alam terhadap seni tatu dapat memperlihatkan nilai estetika dan nilai kesenian yang tersendiri yang menggambarkan budaya masyarakat Iban. Dapat dinyatakan bahawa pemikiran masyarakat Iban adalah terbina daripada alam dan seterusnya menyumbang kepada kekreativiti dalam menghasilkan sesuatu ciptaan yang memperlihatkan nilai-nilai estetika dan kesenian yang tersendiri.

Kajian ini menggunakan teori Seni Rupa oleh (Jamal, 1992) bagi menganalisis kekreativiti seni tentang seni tatu untuk menemukan tafsiran terhadap falsafah *Alam Takambang Jadi Guru*. Berdasarkan kepada komponen bentuk tampak dalam sesebuah seni rupa, ia adalah merupakan suatu hasil bentuk yang diilhamkan daripada imaginasi kepada realiti. Bagi elemen bentuk tampak, ia tercipta secara tidak langsung hasil daripada tangan pencipta yang merealisasikan sesuatu perkara. Bagi komponen unsur alam pula, ia merupakan subjek idea bagi penghasilan bentuk tampak bagi sesuatu seni rupa.

Elemen alam semula jadi didapati dari persekitaran di dalam kehidupan sesebuah masyarakat pencipta. Subjek idea daripada unsur alam dijadikan sebagai sumber idea dan perlambangan kepada manusia bagi menghasilkan sesuatu bentuk tampak bagi aspek reka corak. Seterusnya, terdapat juga elemen jiwa dan falsafah. Jiwa dan falsafah merupakan elemen yang amat penting berkaitan dengan dalaman manusia. Elemen ini adalah berkaitan dengan pengamatan dan pemikiran seseorang pencipta. Ini kerana manusia memiliki satu daya intelektual yang mendorong mereka untuk berfikir tentang sesuatu perkara yang memberi kepuasan diri mereka di dalam kehidupan seharian.

Selain itu, elemen jiwa dan falsafah juga adalah perkara yang perlu dirungkai agar ia dapat memperlihatkan sesuatu bentuk pemikiran manusia terhadap sesuatu perkara yang berkaitan dengan seni rupa (Jamal, 1992). Dalam sesebuah hasil seni, elemen bentuk tampak, unsur alam serta elemen jiwa dan falsafah merupakan gabungan yang mempunyai perkaitan yang penting dan berperanan dalam membentuk seni rupa sesuatu tradisi yang menyumbang kepada interpretasi *Alam Takambang Jadi Guru*. Kajian ini memiliki objektif iaitu:

1. Untuk menyingkap warisan tradisi seni tatu sebagai interpretasi falsafah *Alam Takambang Jadi Guru* dalam budaya masyarakat Iban.

KUPASAN KEPERPUSTAKAAN

Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban

Masyarakat tempatan di Sarawak, khususnya masyarakat Iban mempunyai satu kesenian yang sangat unik iaitu tradisi seni tatu. Amalan mencacah tubuh dengan tatu dalam kalangan masyarakat Iban telah diamalkan sejak dahulu lagi. Dalam masyarakat Iban, tatu lebih dikenali sebagai '*pantang*' (Sandin, 1991). Tradisi seni tatu juga tergolong dalam warisan tidak ketara dalam budaya masyarakat Iban dan mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Amalan ini merupakan aktiviti suci yang menghubungkan masyarakat Iban dengan *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa iaitu tuhan yang selalu membantu masyarakat Iban dalam kesusahan. *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa ini dipercayai tinggal di suatu tempat di antara langit dan bumi yang dikenali sebagai *Panggau Libau*. Bagi masyarakat Iban, setiap motif tatu mengandungi nilai yang tinggi dan berfungsi sebagai simbol menurut (Jumpo, 2020). Tradisi seni tatu ini dipercayai mempunyai perkaitan antara hubungan manusia dengan *petara* dan alam ghaib. Oleh itu, tradisi seni tatu amat penting bagi melambangkan status sosial, pengalaman, pengetahuan dan juga pencapaian seseorang individu dalam kebudayaan masyarakat Iban (Tugang, 2022).

Asal usul tradisi seni tatu masyarakat Iban juga banyak bergantung kepada penceritaan generasi tua. Menurut (Sandin, 1967), dua elemen yang mempunyai kepentingan yang besar dalam budaya adalah warisan dan pusaka. Warisan merujuk kepada kemahiran tempatan, kepercayaan dan nilai estetika yang dianugerahkan oleh *petara* (tuhan) kepada masyarakat Iban. Manakala, pusaka merupakan sesuatu harta yang dimiliki oleh seseorang individu. Tradisi seni tatu tergolong sebagai salah satu warisan budaya yang penting dalam masyarakat Iban. Ini kerana tradisi seni tatu melambangkan identiti diri mereka dan meletakkan diri mereka sebagai golongan yang lebih tinggi dalam masyarakat. Tradisi seni tatu juga sering dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang selalu memberikan pertolongan kepada mereka semasa berada dalam kesusahan menurut (Anggat, 1991). Menurut (Fakhri, 2015) nenek moyang masyarakat Iban pada zaman dahulu, jika seseorang lelaki tidak mencacah tubuhnya dengan tatu, lelaki tersebut akan dianggap seperti perempuan dan pengecut. Masyarakat Iban juga tidak mempunyai status hierarki yang jelas. Pada zaman dahulu, kebiasaannya individu yang mempunyai tatu adalah golongan pahlawan yang berjaya membunuh dan memenggal kepala musuh dan mempunyai pangkat yang tinggi dalam masyarakat. Misalnya, seperti penghulu kampung, temenggung, pamanca, ketua kampung dan golongan pahlawan menurut (Anggo, 2014).

Motif tatu yang ingin dicacah pada anggota badan juga tidak boleh dipilih secara sesuka hati kerana dikhuatiri akan memudaratkan diri sendiri (Jensen, 1974). Ini kerana tatu merupakan sesuatu yang suci dan berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Bagi golongan wanita, hanya mereka yang mempunyai kemahiran yang tinggi, seperti dalam aktiviti menenun, menganyam dan menari sahaja boleh mempunyai tatu pada pergelangan tangan. Golongan penenun ini juga lebih dikenali dengan gelaran *Indu Takar* atau *Indu Gaar* menurut (Durin, 2014). Namun begitu, motif tatu tersebut tidak boleh bercantum dengan motif lain kerana dipercayai boleh mendatangkan kemudaratkan kepada diri sendiri. Ini kerana motif-

motif tatu masyarakat Iban banyak dipengaruhi oleh semangat serta kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan persekitaran mereka pada pandangan (Krutak, 2014).

Motif tatu dalam budaya masyarakat Iban merupakan simbolik dan semangat yang merangkumi haiwan, tumbuhan dan manusia. Menurut (Anggat, 1991) terdapat beberapa legenda masyarakat Iban mengatakan mereka mereka membuat tatu atas arahan daripada *petara*. Terdapat juga mengatakan bahawa motif tatu tersebut berasal daripada dewa-dewa yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Iban. Antaranya ialah *Keling Gerasi Nading Bujang Berani Kempang, Laja Mirah Moa Nekang Jerenang, Simpurai Muntigerai, Sepatu Manok Antu, Sepungga Lumpong Nangga, Pandak Segatak* dan lain-lain menurut (Kiyai, 2021). Kesemua mereka merupakan para dewa perang yang tinggal di *Panggau Libau* dan dipercayai mempunyai pemandangan yang indah dan unik berdasarkan kepada (Asri, 2020).

Bagi masyarakat Iban, tradisi seni tatu merupakan simbol kepada jati diri yang menggambarkan budaya masyarakat Iban. Mereka juga percaya bahawa tatu yang dicacah pada badan merupakan sesuatu yang suci dan membantu mereka di alam kematian berdasarkan kepada (Kiyai, 2021). Tatu juga membolehkan masyarakat Iban mengenali dan membezakan suku-suku kaum yang lain. Menurut (Asri, 2020), tatu masyarakat Iban merupakan sebahagian daripada upacara tradisi yang berkaitan tentang kepercayaan masyarakat Iban terhadap *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana tatu yang dicacah pada badan diibaratkan sebagai anugerah daripada *petara* yang akan kekal pada badan seseorang individu sehingga tibanya waktu ajal seseorang individu tersebut menurut (Ganjing, 1988).

Menurut ensera (cerita lama) masyarakat Iban pada zaman dahulu, jika seseorang lelaki tidak mencacah tatu pada badannya, maka ia dianggap sebagai wanita dan pengecut menurut (Saging, 2022). Terdapat sebab dan tujuan tradisi tatu dibuat iaitu ia berbeza mengikut budaya dan kepercayaan tertentu. Fungsi tatu dalam budaya masyarakat Iban pada zaman dahulu adalah untuk menggambarkan perbezaan keturunan, status sosial, keberanian, kekebalan diri dan kekayaan dalam masyarakat berdasarkan kepada (Anggo, 2014). Masyarakat Iban juga akan mencacah tatu pada badan mereka sebelum mereka pergi mengembara sesuatu tempat sebagai tanda peringatan tempat asal mereka dan dipercayai dapat memberikan kekuatan kepada diri mereka semasa menghadapi cabaran sepanjang mengembara di sesuatu tempat. Oleh itu, semakin banyak tempat yang dijelajahi, lebih banyak tatu yang dicacah pada tubuh mereka menurut (Kiyai, 2021).

Masyarakat Iban juga percaya bahawa tatu memberikan kekuatan untuk melindungi diri mereka (DeMello, 2014). Ini kerana penghasilan tatu melibatkan unsur mitos dan juga ritual dalam budaya masyarakat Iban. Tatu juga merupakan salah satu elemen penting selepas kematian seseorang individu. Dalam budaya masyarakat Iban, tatu dipercayai dapat memberikan cahaya dan menjadi panduan kepada si mati untuk menuju ke alam *sebayan* (alam kematian). Seseengah motif tatu dipercayai dapat memberi kerahmatan dan membantu si mati di alam kematian (Kanyan, 2015). Masyarakat Iban juga gemar mencacah tatu kerana minat mereka terhadap motif

tatu yang diukir pada badan individu masyarakat iban yang sudah memiliki tatu (Sandai, 2012). Dengan adanya keunikan tatu yang dicacah itu, keadaan ini telah mendorong mereka untuk mencacah badan mereka dengan tatu. Terdapat juga sesetengah masyarakat Iban yang bertatu kerana ingin kelihatan lebih unggul daripada suku kaum lain.

Menurut (Tagie, 2020) golongan kanak-kanak juga turut dicacah dengan tatu iaitu bagi mereka yang sudah berusia sepuluh hingga sebelas tahun. Ini menandakan bahawa mereka sudah bersedia untuk menyertai ekspedisi *ngayau* (memenggal kepala musuh). Tatu yang dicacah pada kanak-kanak juga mempunyai tujuan yang sendiri iaitu sebagai pelindung kepada mereka daripada kejahatan dan menjadikan diri mereka kebal daripada serangan pihak musuh berdasarkan kepada (Aryanti, 2022). Satu gelaran yang sangat dikenali dalam kalangan masyarakat Iban iaitu '*Bujang Berani Kempang, Lendat Dibiau Batang Isang*', yang membawa maksud semakin banyak kepala yang dibawa balik daripada memburu (*ngayau*), maka semakin banyak tatu yang akan dicacah pada badan pahlawan itu oleh (Freeman, 1955).

Tatu masyarakat iban mempunyai motif dan ciri-cirinya yang tersendiri. Kebanyakan motif tatu masyarakat Iban berunsurkan mitos haiwan dan alam semula jadi seperti yang diterangkan oleh (Taharuddin, 2020). Motif flora dicacah pada bahagian badan bertujuan untuk melakukan penyamaran dalam hutan semasa berlaku peperangan antara masyarakat Iban dengan suku kaum lain. Antara contoh motif tatu yang dikenali dalam kalangan masyarakat Iban adalah motif naga, burung enggang dan anjing syaitan. (Sultive, 1992) menerangkan bahawa motif tatu masyarakat Iban kebanyakannya berunsurkan haiwan mitos dan haiwan yang telah menolong mereka dalam waktu kesusahan ataupun di waktu senang. Antara motif tatu yang dikenali dalam budaya masyarakat Iban adalah *Bungai terung, Entegulun, Kala Pah, Ketam Itit, Kelingai, Kera Jangkam, Ukir Rekung, Pala Tumpa, Buah Andu, Bungai Tengkawang, Burung Enggang, Nabau, dan Remaung* (Osman, 2021). Kesemua motif tatu ini mempunyai maksud dan jalan cerita yang tersendiri dan menggambarkan status seseorang individu yang memiliki tatu tersebut.

Kajian ilmiah mengenai seni tatu oleh (Kiyai, 2022) membincangkan tentang konteks pembuatan, pantang larang dan fungsinya di dalam kehidupan masyarakat Iban. Bagi Utusan Sarawak oleh (Pringle, 2010) yang memperlihatkan kepada pertembungan budaya dalam adat bertatu, seni tatu masih menjadi simbol kebudayaan yang penting bagi masyarakat Iban di Sarawak. Sesebuah warisan kesenian yang berbentuk tidak ketara seperti seni tatu perlu dipelihara dalam budaya masyarakat Iban agar ia dapat menjadi tatapan kepada generasi mereka pada masa akan datang (Sandin, 1967). Ini kerana seni tatu melambangkan simbol kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak dari aspek motif dan reka corak serta makna yang tersirat di sebalik tatu tersebut. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa perkaitan alam dalam konteks budaya masyarakat Iban yang berfokus kepada seni tatu yang agak kurang dibuat perincian dan penelitian oleh kajian-kajian lepas.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhan. Bagi kajian ini yang menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu bertujuan untuk menghurai dan memahami sesuatu perkara secara eksplorasi (Cresswell, 2009). Ini kerana kebanyakan kajian lepas terhadap asal usul dan tujuan tradisi bertatu dilakukan dalam budaya masyarakat Iban adalah kurang dibuat perincian dan perlu dibuat penelitian secara lebih terperinci.

Pendekatan kualitatif digunakan bagi mengendalikan sesebuah penyelidikan adalah bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena secara terperinci (Talib, 2013). Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhan. Ini kerana pendekatan kualitatif dapat mendedahkan kajian secara menyeluruh melalui perolehan data daripada sesi kajian kerja lapangan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data dari pihak informan mengenai skop yang dikaji. Antara kelebihan menggunakan kajian kualitatif adalah menitikberatkan tentang penghuraian sesuatu fenomena (Rusli Ahmad & Usop Hasbee, 2014). Ia juga membantu penyelidik memahami perasaan, nilai dan persepsi yang mempengaruhi tingkah laku informan. Temu bual lebih memudahkan informan kerana mereka bebas menyatakan pendapat mereka terhadap isu yang berkaitan dengan topik dikaji. Ini kerana ia sangat membantu dalam proses pengumpulan data.

Bagi kajian ini, temu bual berstruktur digunakan bagi informan yang bekerja di organisasi kerajaan dan swasta, manakala temu bual secara tidak berstruktur digunakan kepada informan yang bekerja sendiri ataupun bukan berorganisasi. Dalam kajian ini, temu bual secara bersemuka (*face to face interview*) akan dilakukan dengan informan. Pengkaji menyediakan satu set soalan yang telah dirancang untuk menemubual informan yang terlibat secara langsung di dalam kajian ini.

Analisis ini juga diperkuatkan dengan hasil temu bual bersemuka dengan informan yang lebih pakar dalam kajian ini. Semasa menjalankan kajian ini, terdapat beberapa orang informan yang ditemubual untuk mendapatkan data. Informan yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada bidang kepakaran mereka, iaitu berkaitan tentang tradisi bertatu dalam budaya masyarakat Iban. Dalam melakukan analisis data, model *content analysis* oleh (Lamnek, 1989) digunakan pelengkap kepada kaedah pemerhatian dan temu bual semasa menjalankan kajian kerja lapangan. Pada masa yang sama, ia juga digunakan bagi tujuan pemprosesan dan penganalisan data yang diperoleh daripada kajian lapangan yang dijalankan.


DAPATAN PENYELIDIKAN

Kewujudan Alam dan Masyarakat

Masyarakat Iban mendiami di Sarawak yang terletak di dalam Kepulauan Borneo. Jika dapat dilihat, Kepulauan Borneo sangat kaya dengan sumber-sumber alam semula jadi. Bagi masyarakat Iban yang mendiami di sekitar lokasi itu, mereka mengamalkan budaya dengan menjadikan alam sebagai sumber utama. Ini kerana alam membantu mereka dalam membentuk kerangka pemikiran dan sahsiah diri.

Setiap masyarakat memiliki kearifan tradisi yang tersendiri termasuk masyarakat Iban. Masyarakat Iban dapat dikategorikan pada dua golongan, iaitu mereka yang sudah menganuti agama-agama besar seperti Kristian dan Islam. Manakala, bagi golongan kedua pula adalah yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan dan animisme. Pada zaman dahulu, seni tatu dihasilkan bagi tujuan tertentu sahaja, iaitu melambangkan status sosial yang dimiliki oleh seseorang individu, perlindungan, keberanian, kekebalan dan simbol kepada pencapaian seseorang individu. Ini kerana pada zaman dahulu tatu tidak boleh dicacah sesuka hati pada badan

seseorang individu yang belum memiliki pengalaman dan pencapaian tertentu dalam kehidupan mereka. Seiring dengan peredaran zaman, budaya bertatu mengalami proses perubahan dari segi motif dan tujuan yang tersendiri dimana ia digunakan sebagai perhiasan dan juga komersial.



Carta 1: Sumber: Kearifan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban

Tradisi seni tatu merupakan salah satu gambaran jiwa, nilai sejarah dan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Keindahan pada tradisi seni tatu dapat dilihat daripada aspek pembuatan dan penggunaan bahan-bahan daripada sumber alam semula jadi, kehalusan, ketekunan dan kesabaran golongan pembuat tatu, pengamatannya terhadap alam semula jadi dan daya kreativiti dalam mencacah tatu pada bahagian tubuh seseorang individu.

Sesuatu keindahan juga melibatkan makna yang tersirat serta mempunyai cerita atau falsafahnya yang tersendiri. Pembuat tatu menjadikan alam semula jadi yang terdapat di sekeliling sebagai sumber belajar dan untuk meningkatkan daya kreativiti mereka. Kemudian, dengan gabungan ketinggian ilmu, kebolehan minda dan kemahiran menggerakkan deria disalurkan kepada tatu bagi memperlihatkan nilai estetika dan seni sebagai salah satu perhiasan. Selain itu, masyarakat Iban juga menganggap tradisi seni tatu sebagai salah satu warisan yang diwarisi secara bergenerasi di dalam keluarga mereka.

Budaya masyarakat Iban yang menjadikan alam semula jadi sebagai sumber pemikiran dan pembentukan sahsiah manusia telah wujud sejak zaman dahulu lagi. Masyarakat Iban melihat alam semula jadi sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna yang boleh dijadikan panduan, ajaran dan juga sebagai pembimbing dalam meneruskan kehidupan. Ini kerana alam merupakan 'guru' yang mengajar manusia. Selain itu, minda manusia terbina dari alam semula jadi yang hidup di sekelilingnya. Manusia belajar dari kejadian alam yang berlaku

dalam kehidupan seharian mereka. Manusia mencipta estetika hasil daripada mereka belajar dari alam semula jadi. Justeru itu, alam dijadikan 'guru'. Ini kerana pemikiran manusia terbina dari alam semula jadi. Bermakna alam itu berkembang mengajar manusia untuk berfikir. Kehidupan manusia sering dikaitkan dengan alam semesta sebagai tempat manusia belajar dan memberi pelajaran kepada manusia yang lain. Kehidupan manusia yang bersandar kepada alam semesta mewujudkan asimilasi yang sering memerlukan dalam kehidupan. Manusia memerlukan elemen-elemen alam seperti gunung, sungai, tumbuhan, tanah dan air untuk memastikan kelangsungan kehidupan yang lebih baik. Manakala, alam semesta memerlukan manusia sebagai penjaganya. Seperti dalam falsafah terkembang dijadikan guru yang menjadi hukum alam yang menjadi pandangan hidup dalam sesebuah masyarakat, dan begitulah juga falsafah yang wujud dalam kehidupan masyarakat Iban. Mereka belajar dan berasimilasi dengan alam semula jadi sehingga wujudnya nilai estetika dalam kehidupan masyarakat tersebut.

Konsep terhadap kewujudan alam semula jadi juga turut dibincangkan oleh (Zainal Kling, 2004). Ia merupakan sesuatu kebiasaan dan ketetapan corak kehidupan manusia yang tidak hanya ditentukan oleh sifat saling bertindak balas sesama mereka saja. Selain itu, ia juga ditentukan oleh kesatuan dengan alam atau kebiasaan sikap terhadap alam di tempat manusia itu tinggal dan berusaha mencari kehidupan yang lebih baik. Setiap hari, secara tetap manusia mencari rezeki dari sumber-sumber kewujudan alam (dan juga jasa), baik siang mahupun malam, juga menurut perjalanan matahari dan bulan, turun naik dan pasang surut air laut, dan juga ketetapan perubahan iklim. Sifat alam yang sangat tetap ini menetapkan pula perilaku manusia yang berhubung dengan keadaan alamnya untuk dapat menentukan aturan hidup dan mencari sumber rezeki bagi memastikan kelangsungan hidup.

Falsafah alam dalam bahasa dan budaya masyarakat Minangkabau juga dikaitkan dengan falsafah dan pemikiran Hamka. Hamka berfikir bahawa kehidupan manusia dengan alam semula jadi, seperti yang dinyatakan, iaitu 'Alam terbentang luas dan manusia hidup di dalamnya'. Melalui kurniaan pancaindera dan akal yang boleh berfikir, manusia dapat menyaksikan alam itu dalam segala sifat dan tingkahlakunya. Dari situ diperlihatkan ada kebesaran, keajaiban dan keindahan serta terdapat beberapa perubahan tetap. Kehidupan manusia itu sendiri tidak dapat dipisahkan dengan alam. Pada mulanya, timbul perasaan oleh manusia terhadap alam semula jadi bahawa ada sesuatu yang menguasai keseluruhan alam, pengaturan alam dan yang menyusun perjalanan kitaran alam. Menurut (Navis, 1984), falsafah masyarakat Minangkabau ada menyebut *Alam Takambang Jadi Guru* merujuk kepada cara mereka menjadikan alam semulajadi sebagai ajaran dan pandangan (falsafah) hidup yang digambarkan dengan perkataan. Perkataan yang digunakan itu dijadikan pedoman untuk manusia dalam sebarang tindakan ataupun perilaku.

Berdasarkan kepada kewujudan alam semula jadi, ia dilihat dari aspek bentuk, sifat dan ciri alam yang dijadikan sebagai perlambangan dalam semua aspek kehidupan oleh masyarakat

Iban. Penempatan masyarakat Iban di Sarawak memperlihatkan bentuk keunikan alam semula jadi, iaitu kehidupan mereka dikelilingi oleh hutan tebal dan kaya dengan sumber alam. Berdasarkan kepada pemikiran masyarakat Iban terhadap persekitaran, maka mereka memanfaatkan sumber alam yang sedia ada. Mereka menginspirasi alam semula jadi untuk dijadikan sebagai sumber idea dalam menghasilkan seni tatu yang mempunyai pelbagai reka corak yang menarik. Manakala bagi sifat alam pula, kelestarian hidup dalam masyarakat Iban adalah mereka mengamalkan cara hidup nomad. Ini kerana penempatan masyarakat Iban yang agak berbukit, maka perlu memahami aspek-aspek tersebut agar memastikan kelestarian hidup pada masa akan datang. Justeru itu, tradisi seni tatu yang berperanan sebagai simbol kekuatan, keberanian, kekebalan, perlindungan dan status sosial seseorang individu amat penting dalam kebudayaan masyarakat Iban.

Seni tatu yang dijadikan sebagai simbol kepercayaan masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa pada zaman dahulu kini lebih diperlihatkan sebagai tujuan perhiasan dan pengkomersialan. Ini kerana pemikiran dan citarasa masyarakat Iban yang sentiasa berubah seiring dengan peredaran zaman. Manakala bagi komponen jiwa dan falsafah, ia berkaitan dengan pemikiran dan pengamatan seseorang individu yang membuatnya. Keakraban masyarakat Iban dengan alam melakukan pelbagai aktiviti telah memperlihatkan mereka berkomunikasi dengan alam semula jadi. Ini kerana masyarakat Iban menjadikan alam semula jadi sebagai sumber belajar. Selain itu, melalui kewujudan alam semula jadi, masyarakat Iban memperoleh pengetahuan serta sumber idea untuk menyelesaikan sesuatu perkara dalam kehidupan seharian mereka.

Kewujudan alam semula jadi bukan sahaja sebagai sumber pembelajaran kepada masyarakat Iban malah dapat membentuk kepada daya intelektual dalam menyampaikan sesuatu perkara samaada dalam bentuk instrinsik dan ekstrinsik. Bagi sumber belajar dari alam semula jadi dalam bentuk instrinsik, masyarakat Iban dapat membentuk pemikiran dan kreativiti terhadap sesuatu perkara. Manakala dalam aspek ekstrinsik, masyarakat Iban menzahirkan pemikiran mereka terhadap alam melalui kelakuan mereka terhadap sesuatu perkara. Seterusnya, sesuatu hasil kerajinan tangan masyarakat Iban di dalam menghasilkan sesuatu hasil seni adalah sebahagian daripada pemikiran dan pengamatan mereka terhadap alam semula jadi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban menjadikan alam semula jadi sebagai sumber belajar yang kemudiannya diterjemahkan melalui hasil kreativiti mereka terhadap alam semula jadi.

Hasil kreativiti masyarakat Iban seperti warisan seni tatu membuktikan mereka berkomunikasi dengan alam semula jadi. Tambahan pula, kedudukan penempatan rumah panjang masyarakat Iban yang berada di kawasan hutan tebal membolehkan mereka memahami alam semula jadi. Justeru itu, warisan kesenian ini perlu dipertahankan untuk menjadi tatapan generasi muda masyarakat Iban pada masa hadapan. Seni tatu merupakan salah satu gambaran keindahan jiwa, nilai estetika dan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Keindahan pada seni tatu dapat dilihat pada aspek pembuatan, penggunaan bahan-bahan dari sumber alam, kehalusan, ketelitian, kesabaran tukang pencacah tatu, sumber idea dari alam semula jadi dan daya kreativiti pada hasil kesenian tersebut.

Sesuatu keindahan juga melibatkan makna yang tersirat dan mempunyai naratif pemikirannya yang tersendiri. Pembuat tatu menjadikan alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka sebagai sumber belajar dan meningkatkan daya kreativiti mereka. Kemudian, dengan gabungan ketinggian ilmu, kebolehan minda dan kemahiran menggerakkan deria disalurkan kepada seni tatu untuk memperlihatkan nilai estetika dan seni sebagai salah satu warisan kesenian.

Budaya masyarakat Iban menjadikan alam semula jadi sebagai sumber pemikiran dan pembentukan sahsiah manusia telah wujud sejak dahulu lagi. Masyarakat Iban melihat alam semula jadi sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna yang boleh dijadikan panduan, ajaran dan juga pembimbing dalam meneruskan kehidupan. Ini kerana alam semula jadi merupakan telah mengajar manusia menghasilkan sesuatu. Selain itu, minda manusia yang terbina dari alam semula jadi yang hidup di sekelilingnya. Manusia mencipta estetika kerana mereka belajar dari alam semula jadi. Justeru itu, alam dijadikan sebagai sumber belajar oleh manusia. Ini kerana pemikiran manusia terbina dari alam. Bermakna alam itu berkembang mengajar manusia untuk berfikir. Kehidupan manusia sering dikaitkan dengan alam semesta tempat manusia belajar dan memberi pelajaran kepada manusia yang lain. Kehidupan manusia yang bersandar kepada alam semesta mewujudkan asimilasi yang sering memerlukan dalam kehidupan. Manusia memerlukan elemen-elemen alam semula jadi seperti gunung, sungai, tumbuhan, tanah dan air untuk memastikan kelangsungan kehidupan yang lebih baik. Manakala, alam semesta memerlukan manusia sebagai penjaganya. Masyarakat Iban belajar dan berasimilasi dengan alam semula jadi dan mewujudkan nilai estetika dalam kehidupan seharian mereka.

Masyarakat Iban melihat alam semula jadi itu sebagai sesuatu yang amat rapat dengan jiwa dan hati nurani. Alam semula jadi dijadikan sebagai sumber pemikiran di samping perlambangan dalam membersihkan hati dan jiwa. Sebelum wujudnya teknologi, manusia menjadikan alam semula jadi sebagai sumber rujukan dalam semua perkara yang berkaitan dengan kehidupan. Justeru itu, alam semula jadi dijadikan sebagai guru ini menunjukkan bahawa manusia berupaya untuk berinteraksi dengan alam semula jadi. Kekerapan manusia dengan alam dapat dilihat apabila mereka memahami bentuk alam, sifat alam dan ciri alam. Ini kerana alam mengajar manusia untuk menjadikan semua perkara yang berkaitan dengan kehidupan untuk menjadi lebih baik. Alam dijadikan sebagai guru dimana masyarakat Iban memanfaatkan sumber alam semula jadi yang didasari dengan kosmologi. Salah satu sumber alam yang dapat diperlihatkan adalah dari aspek seni tatu. Penggunaan unsur alam semula jadi sebagai sumber idea penghasilan seni tatu dalam budaya masyarakat Iban memperlihatkan kerangka pemikiran mereka menurut (Robinson Unau Gaong, 2022). Misalnya, motif tatu yang diadaptasi dari kewujudan flora dan fauna yang terdapat di sekitar penempatan masyarakat Iban.

Berdasarkan kepada sumber alam semula jadi menurut informan (Robinson Unau Gaong, 2022), ia dijadikan sebagai salah satu hasil kesenian yang memperlihatkan kehalusan, kerajinan, dan kekreativiti individu dalam bidang kesenian. Bagi individu yang mahir dalam bidang kesenian, mereka menjadikan unsur alam semula jadi sebagai sumber idea dan inspirasi yang utama. Mereka melihat dan mula memikirkan keindahan alam semula jadi yang kemudiannya

diterapkan kepada pembuatan seni tatu. Ini kerana kewujudan unsur-unsur alam tersebut telah menjadi guru bagi menghasilkan sesuatu hasil seni di samping menjana kepada pemikiran mereka. Unsur-unsur alam semula jadi yang diterapkan pada seni tatu memperlihatkan nilai estetika dan ia telah menjadi salah satu hasil seni.

Bagi masyarakat Iban di Kepulauan Borneo, terdapat beberapa motif dan reka corak tatu yang diinspirasikan daripada sumber alam dan amat dikenali pada zaman dahulu, Antaranya adalah *ukiran rekong, bungai terung, ketam, kelingai, buah Andu, entegulun* dan *buah Engkabang*. Masyarakat Iban di Sarawak menganggap tatu bukan sahaja melambangkan status sosial, pencapaian dan pengalaman seseorang individu tersebut, malah ia juga merupakan simbol kekuatan individu masyarakat Iban semasa berperang pada zaman dahulu menurut informan (Ernesto Kalum Umpie, 2022). Sumber alam dapat dilihat pada beberapa bahagian motif seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Ia merangkumi reka corak, motif dan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat tatu. Berdasarkan kepada jenis-jenis tatu tersebut, tatu *bungai terung* merupakan motif tatu yang paling terkenal dalam budaya masyarakat berdasarkan kepada informan (Sigi Singau, 2021). Dalam budaya masyarakat Iban, seni tatu selalu disebut dalam cerita dongeng atau *ensera* dan cerita rakyat Iban sepertimana yang diterangkan oleh informan (Uma Kujat, 2021).

Dalam kehidupan masyarakat Iban, mereka melihat dan belajar dari sumber alam semula jadi dan seterusnya mewujudkan falsafah mereka, iaitu budaya, kerangka pemikiran, amalan kepercayaan dan ketamadunan. Ini kerana alam bukan sahaja membantu masyarakat Iban untuk berfikir malah untuk membentuk jati diri mereka. Sebelum kedatangan agama-agama besar dan berlaku globalisasi, masyarakat Iban pada zaman dahulu telah menjadikan alam semula jadi sebagai guru dalam mencari jawapan kepada persoalan yang berlaku. Berdasarkan kepada pendapat informan (Tugang Rima, 2021), masyarakat Iban juga menjadikan alam sebagai sumber belajar yang membentuk kepada pengetahuan mereka. Setiap elemen alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka dianggap mempunyai pengaruh yang besar. Selain itu, sumber alam semula jadi ini dilihat sebagai salah satu sumber rezeki yang boleh menjana kehidupan masyarakat Iban, seperti seni tatu. Mereka menggunakan sumber alam dalam penghasilan seni tatu yang seterusnya memperlihatkan nilai estetika dan kearifan tradisi.

Berdasarkan kepada pendapat informan (Nicholas Jenta, 2022), tercetusnya nilai-nilai seni dan estetika pada seni tatu adalah melalui falsafah masyarakat Iban yang tercipta daripada keindahan alam semula jadi. Ini kerana masyarakat Iban melihat alam semula jadi bagi mendapatkan inspirasi dan imaginasi terhadap sesuatu yang ingin dihasilkan. Berdasarkan kepada penghasilan seni tatu oleh seseorang pembuat tatu, ia bukan sahaja menunjukkan kemahiran kreatif malah ia memperlihatkan kejiwaan dan kerohanian seseorang pembuat tatu tersebut. Pada masa yang sama, menurut informan (ia juga mencerminkan identiti dan simbol budaya masyarakat Iban. Faktor mengenai cara untuk membentuk jati diri seseorang pembuat tatu adalah bergantung kepada kreativiti dan kerajinan individu tersebut. Jika dilihat dan dihayati, nilai seni dan estetika yang terdapat pada seni tatu adalah merupakan satu wadah yang menjadi pengantara

di antara pencipta seni kepada jiwa penerima seni, iaitu sama ada masyarakat Iban atau masyarakat lain.

Dalam konteks pembuatan tatu, ia dihasilkan dengan teliti agar memperlihatkan kekayaan sumber alam semula jadi yang seterusnya menyumbang kepada nilai estetika dan seni dari aspek rupa dan jiwa yang dilihat boleh berkomunikasi dalam masyarakat Iban. Dari sinilah juga dapat dilihat sesuatu keupayaan dan kekayaan alam semula jadi dalam memperlihatkan nilai estetika dan kearifan tradisi yang terdapat pada seni tatu dalam menimbulkan penafsiran, pemikiran, rasa dan persoalan di samping gambaran tentang budaya masyarakat Iban.

Nilai seni juga berfungsi dalam proses melestarikan dan merakamkan sesebuah pengalaman hidup manusia yang tinggal dengan alam semula jadi. Jika dilihat nilai seni dan estetika yang terdapat pada seni tatu adalah lahir daripada kesedaran terhadap intisari sesuatu ciptaan, iaitu melalui bentuk tampak kepada dimensi yang terjalin pada rupa ciptaan tersebut. Ia menjadi titian di antara realiti yang zahir dan batin serta memainkan peranan sebagai pengantara jiwa pencipta dan aspek penghayatan terhadap budaya masyarakat Iban. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa pemikiran dan minda manusia adalah terbina daripada kewujudan alam semula jadi dalam kehidupan mereka. Melalui kekreativiti dan kehalusan kerja tangan oleh individu yang menjadikan alam sebagai sumber belajar dan inspirasi, maka seni tatu yang dihasilkan mempunyai nilai estetika dan kearifan tradisi yang menggambarkan budaya masyarakat Iban.

4.2 Jenis-jenis tatu dalam budaya masyarakat Iban

Setiap masyarakat mempunyai kearifan tradisi yang tersendiri. Menurut informan (Dato Sri Edmund Langgu Saga, 2022) Bagi masyarakat Iban, kearifan tradisi diperlihatkan melalui warisan ketara dan warisan tidak ketara. Dalam tradisi seni tatu, ia dapat dikategorikan sebagai warisan tidak ketara. Kearifan tradisi yang berkaitan dengan seni tatu dalam budaya masyarakat Iban diperlihatkan melalui motif, ragam hias, reka letak, nilai estetika dan seni.

Setiap motif tatu yang dihasilkan mempunyai maksud yang tertentu di samping menunjukkan masyarakat Iban berupaya untuk berasimilasi dan berinteraksi dengan alam semula jadi menurut informan (Andy Austin, 2022). Antara motif tatu yang terkenal dalam budaya masyarakat Iban ialah motif tatu *bungai terung*, *kelingai*, *entegulun*, *ukir rekong*, *kala pah*, *buah andu*, *ketam itit*, *pala tumpa*, *bungai tengkawang*, *kera nyangkam*, *nabau*, *remaung*, *antu gerasi* dan sebagainya.



Rajah 1 Motif tatu *Kelingai* yang dicacah pada bahagian bahu lelaki Iban

(Sumber: Kajian lapangan, 2021)



Rajah 2 Motif tatu *bungai terung* yang dicacah pada bahagian bahu lelaki Iban.

(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

Motif tatu *bungai terung* merupakan tatu yang dicacah pada bahagian bahu golongan lelaki masyarakat Iban. Menurut informan (Robinson Unau Gaong, 2022), tatu ini dipercayai memberi kekuatan kepada bahu kerana segala beban ataupun aktiviti yang berat akan dipikul oleh bahu. Motif tatu ini mempunyai lapan kelopak bunga dan mempunyai corak berbentuk pusaran pada bahagian tengah yang dipercayai melambangkan kemunculan kehidupan baru dalam masyarakat Iban. Tatu ini merupakan azimat bagi individu masyarakat Iban yang mengembara ke tempat yang jauh. Selain itu, tatu ini juga merupakan petanda kepada individu masyarakat Iban yang menguasai ilmu pengetahuan dan mempunyai pengalaman yang banyak dalam aspek kehidupan.

Seterusnya, motif tatu *entegulun* juga amat dikenali dalam budaya masyarakat Iban. Menurut informan (Louis Samai, 2022), motif tatu ini dicacah pada bahagian belakang tangan, dan juga bahagian jari inividu masyarakat Iban. Mengikut kepercayaan masyarakat Iban, tatu ini hanya boleh dicacah setelah seseorang itu berjaya membunuh dan memenggal kepala musuh dalam tradisi *ngayau* ataupun pemburuan kepala. Bagi golongan wanita masyarakat Iban pula, Tatu ini dicacah pada bahagian jari, lengan, kaki, dan paha untuk melambangkan status sosial dan pencapaian mereka dalam pelbagai perkara. Antaranya ialah mempunyai kemahiran menenun pua kumbu, menari, menyanyi, berpantun dan memasak. Justeru itu, ia juga berfungsi sebagai perhiasan diri iaitu semakin banyak tatu dicacah pada badan mereka semakin cantik dan banyak pengetahuan yang diperolehi mereka dalam semua perkara.

Menurut informan (Unsa Meringai, 2021), motif tatu *ukir rekung* merupakan tatu yang dicacah pada bahagian leher individu masyarakat Iban. Tatu ini dibuat adalah untuk melambangkan perkembangan dari status golongan biasa kepada status golongan yang dihormati. Antara individu yang berstatus dihormati ialah ketua kampung, golongan pahlawan yang sudah melakukan kegiatan memburu dan panglima. Perkembangan status pada seseorang individu tersebut dapat dilihat berdasarkan tatu yang dicacah pada bahagian leher. Ini kerana bahagian leher merupakan bahagian tubuh yang paling sukar untuk dicacah dengan tatu dan ini dipercayai dapat menguatkan semangat individu tersebut.



Rajah 3 Motif tatu *ukir rekung*

(Sumber: Kajian lapangan, 2021)



Rajah 4 Motif tatu *kala pah*

(Sumber: Kajian lapangan, 2021)

Motif tatu Kala Pah adalah digambarkan dengan imej kala jengking yang dibuat berdasarkan imej anjing dan naga yang dikaitkan dengan unsur perlindungan daripada serangan musuh dan roh jahat. Motif tatu ini dicacah pada bahagian peha dan betis bagi memberikan kekuatan kepada bahagian kaki seseorang individu tersebut. Menurut informan (Uma Kujat, 2021), golongan individu yang memiliki tatu ini berperanan sebagai *tuai burung* dan golongan pahlawan dalam masyarakat Iban. Bagi golongan pahlawan Iban, mereka yang memiliki tatu ini digambarkan mempunyai perwatakan seperti seekor kala jengking yang menyerang musuh secara menyerang hendap dan melumpuhkan kekuatan pihak musuh tanpa disedari oleh mereka. Bagi golongan wanita masyarakat Iban, motif tatu ini dicacah pada badan mereka bagi memberi kekuatan untuk menghadapi gangguan roh atau semangat jahat semasa menenun. Menurut kepercayaan generasi tua masyarakat Iban berdasarkan kepada pendapat informan (Bajut Puguan, 2022), roh jahat tersebut dipercayai berasal daripada pewarna merah darah yang digunakan untuk menenun *pua kumbu*. *Pua kumbu* digunakan untuk tujuan upacara menyambut kepala musuh yang telah dipenggal oleh golongan pahlawan Iban.



Rajah 5: Motif tatu *ketam itit*.

(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

Berdasarkan kepada pendapat informan, (Eddie Enjeruh, 2022), motif tatu *ketam itit* juga terkenal dalam kalangan masyarakat Iban kerana kerana keunikannya seperti simbol naga yang mempunyai dua kepala. Motif tatu ini dicacah pada bahagian lengan dan disertakan dengan corak


perut naga yang berbeza serta bergantung kepada kepada mimpi yang dialami oleh seseorang individu tersebut. Tatu ini melambangkan kekuatan pada bahagian belakang ketam untuk melindungi diri daripada semangat jahat. Selain itu, tatu ini juga dipercayai dapat membantu dan menyelamatkan mereka yang memiliki tatu ini apabila mereka tersesat ataupun lemas di laut. Ini kerana masyarakat Iban pada masa dahulu mempercayai bahawa dewa-dewa laut seperti *bunsu ikan*, *bunsu ketam*, *bunsu udang* dan sebagainya akan membantu mereka apabila mengalami kesusahan.



Rajah 6 Motif tatu *buah andu* yang dicacah pada bahagian belakang badan

(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

Menurut informan (Ernesto Kalum Umpie, 2022), motif tatu *Buah Andu* diinspirasi daripada buah andu yang menjadi makanan harian dalam kehidupan masyarakat Iban. Kebiasaannya, motif tatu ini dicacah pada bahagian belakang paha individu lelaki masyarakat Iban. Tatu ini memberi maksud apabila kita sedang merantau di pelbagai tempat untuk mencari pengalaman, buah andu dijadikan sebagai makanan utama untuk mengalas perut. Buah andu merupakan sejenis buah yang berasal dari hutan Borneo yang mempunyai rasa seperti kacang tanah dan bentuk buah ini dikatakan juga menyerupai binatang. Individu yang mempunyai tatu ini juga digambarkan sebagai seseorang yang berjiwa kental dan mampu menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka.



Rajah 7: Motif tatu *Pala Tumpa*

(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

Motif tatu *Pala Tumpa* bermaksud gelang tangan dalam kebudayaan masyarakat Iban. Tatu ini kebiasaannya dicacah pada bahagian pergelangan golongan wanita masyarakat Iban. Menurut informan (Bajut Puguan, 2022), motif tatu ini dicacah pada pergelangan tangan golongan wanita Iban bagi menggambarkan kepandaian dan kerajinan golongan wanita Iban dalam kegiatan menenun *pua kumbu*, *ngajat* (menari), pandai memasak dan bijak dalam mengurus kehidupan rumah tangga. Di samping itu, tatu ini juga berfungsi sebagai unsur kecantikan diri dan perhiasan bagi golongan wanita Iban. Tatu ini juga dipercayai dapat melindungi golongan penenun *pua kumbu* daripada gangguan semangat atau roh jahat semasa melakukan aktiviti menenun *pua kumbu* yang dianggap suci. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, tatu ini hanya boleh dimiliki oleh individu yang mendapat pengiktirafan dalam kemahiran menenun *pua kumbu* kerana ia merupakan status sosial yang tinggi bagi golongan wanita Iban.



Rajah 8 Motif tatu *Kera Nyangkam*

(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

Motif tatu *Kera Nyangkam* diinspirasi daripada pokok ara yang menjadi parasit, tetapi ia tidak merosakkan tanaman. Kebiasaannya, motif tatu ini dicacah pada bahagian paha bagi individu masyarakat Iban yang merantau ke tempat yang jauh untuk mencari pengalaman. Menurut informan (Robinson Unau Gaong, 2022), tatu ini juga menggambarkan seseorang individu yang mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat, pernah membuka penempatan

baharu dan juga selalu berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Golongan individu yang memiliki tatu ini juga digambarkan sebagai seseorang individu yang berani, tangkas dan mempunyai pergerakan yang lincah serta mempunyai fizikal yang kuat. Oleh itu, berdasarkan kepada pendapat informan (Sylvester Juli, 2022), individu yang memiliki tatu ini digambarkan mempunyai sifat seperti seekor kera yang selalu bergayut dari satu pokok ke pokok yang lain bagi mencari rezeki dan tempat tinggal baharu. Ini kerana tatu ini juga dipercayai dapat memberikan kekuatan kepada pemiliknya dalam menghadapi cabaran semasa berada dalam kesusahan di tempat yang dijelajahnya.



Rajah 9 Motif tatu *Antu Gerasi*

(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

Motif tatu *Antu Gerasi* merupakan satu motif tatu yang dianggap berbahaya dan paling tinggi darjatnya. Motif ini melambangkan unsur kekuatan dan kekebalan pada diri pemiliknya dan berperanan menjaga dan melindungi nyawa pemiliknya. Ini kerana unsur *Antu Gerasi* tersebut dianggap sebagai perisai atau senjata kepada manusia untuk mengelakkan diri mereka daripada gangguan roh dan semangat jahat. Menurut informan (Paulus Sigat, 2021), dalam kepercayaan masyarakat Iban, tidak semua individu masyarakat Iban boleh memiliki motif tatu ini. Ini kerana motif ini memperlihatkan perwatakan diri seseorang yang kuat dan ditakuti serta digeruni oleh pihak musuh.

Motif tatu ini juga kebiasaannya dimiliki oleh golongan pahlawan yang banyak berkorban menentang pihak musuh dan berjasa dalam masyarakat Iban. Oleh itu, setiap kali pembuat tatu memulakan kegiatan mencacah motif tatu yang dianggap berbahaya ini, mereka perlu mengadakan ritual miring dengan tujuan memohon kebenaran kuasa luar biasa agar memberkati individu yang dicacah dengan tatu ini. Ini kerana motif tatu ini diinspirasi oleh masyarakat Iban daripada *Antu Gerasi* yang merupakan makhluk yang ditakuti dan digeruni dalam

kepercayaan mereka. Oleh itu, individu yang mempunyai motif tatu ini mempunyai status sosial yang tinggi dan disanjung oleh masyarakat Iban.\


Perkakas yang digunakan untuk mencacah tatu

Menurut informan (Kenny Merdan, 2022), peralatan asas yang digunakan untuk mencacah tatu adalah seperti pemegang kayu, jarum dan dakwat tatu. Dalam proses pembuatan tatu ini, pukulan ringan akan dilakukan pada permukaan kulit dengan jarum yang telah dicelup pada dakwat bagi menghasilkan motif tatu.


Menurut informan (Richie Vikendall, 2022), penghasilan tatu secara tradisional adalah dengan menggunakan dakwat yang diperbuat daripada jelaga yang direbus dalam air tebu dalam tempoh beberapa jam. Kemudian, ia akan dibiarkan selama beberapa hari untuk mengalami proses penapaian. Perkara ini dilakukan bagi memelihara ketahanan dakwat yang dihasilkan. Masyarakat Iban menamakan dakwat yang diperbuat dengan cara ini dengan istilah *alung*. Dalam penghasilan tatu, *alung* ini akan dicampur dengan pelbagai jenis ubat pemanis supaya cacahan tersebut kelihatan lebih cantik dan juga sebagai perlindungan kepada permukaan kulit. Pembuatan tatu secara tradisional ini menggunakan teknik mengetuk yang menggunakan pengetuk yang diperbuat daripada tanduk rusa serta sebatang kayu untuk meletakkan jarum yang diperbuat digunakan untuk mencacah tatu. Pembuatan tatu dengan menggunakan kaedah tradisional adalah lebih sukar kerana kekuatan tangan, kesabaran dan ketelitian amat diperlukan dalam menghasilkan tatu yang lebih berkualiti menurut (Uma Kujat, 2021).



Rajah 10: Proses pembuatan tatu menggunakan kaedah tradisional dalam budaya masyarakat Iban
(Sumber: Kajian lapangan, 2022)



Rajah 11 Proses pembuatan tatu menggunakan kaedah moden
(Sumber: Kajian lapangan, 2022)



Rajah 12: Kegiatan mencacah tatu yang dilakukan di Borneoheadhunters Tattoo & Piercing Studio yang terletak di Kuching, Sarawak
(Sumber: Kajian lapangan, 2022)

PERBINCANGAN

Konsep Seni Tatu dalam Budaya Masyarakat Iban

Berdasarkan kepada konsep ukiran tatu dengan motif-motif tertentu dalam budaya masyarakat Iban, ia memperlihatkan status sosial, media komunikasi dan identiti, serta psikologi menurut informan (Dr Gregory Kiyai, 2021). Bagi aspek status sosial, seni tatu dalam budaya masyarakat Iban sebenarnya memberi gambaran tentang kedudukan atau status sosial yang diadaptasikan dan dipersetujui sesama mereka di sesebuah rumah panjang tersebut. Selain itu, sesuatu motif tatu yang tertentu hanya boleh dimiliki oleh golongan yang memiliki status sosial yang tinggi seperti *lemambang*, *tuai rumah* dan golongan pahlawan. Sekiranya golongan biasa memiliki motif tatu tersebut, maka dikhuatiri akan ditimpa nasib malang, sakit dan boleh membawa kepada kematian.

Selain itu, sesuatu motif tatu tertentu juga dijadikan sebagai media komunikasi untuk menyampaikan adat-istiadat, pantang-larang, kasih sayang dan perkara-perkara yang berkaitan kehidupan. Melalui motif tatu yang tertentu, golongan individu dapat membezakan kedudukan seseorang ketua, orang biasa, hamba dan pihak musuh. Kebiasaannya, seseorang individu yang

memiliki motif tatu tertentu akan memperoleh penghormatan dari penduduk di sekitar rumah panjang tersebut. Tambahan pula, sesuatu motif tatu juga berfungsi melambangkan identiti masyarakat Iban terhadap masyarakat lain serta memudahkan mereka bagi mengesan antara pihak musuh atau bukan ketika berada di medan peperangan. Dari aspek psikologi, seni tatu berperanan untuk menakutkan pihak lawan atau musuh mereka. Ini kerana hanya individu yang berani dan gagah seperti golongan pahlawan Iban yang layak memiliki motif tatu naga, harimau dan antu gerasi. Sekiranya pihak musuh terlihat motif tatu tersebut pada badan mereka, maka ia akan memberikan kesan psikologi kepada pihak lawan atau musuh bahawa golongan tersebut tidak mampu untuk ditandingi.

KESIMPULAN

Kewujudan sesuatu seni rupa tersebut sebenarnya mencerminkan sesebuah kearifan tradisi masyarakat yang bertamadun dan berintelektual tinggi. Kearifan tradisi dan kepandaian masyarakat Iban dalam membaca dan menilai bentuk dan sifat alam menyebabkan mereka mampu menjadikan alam semulajadi sebagai simbol yang diterjemahkan kepada penghasilan seni tatu. Justeru itu, perilaku dan sifat alam melahirkan simbol terhadap seni tatu sekaligus memperlihatkan nilai-nilai estetika. Estetika merupakan sesuatu bidang ilmu yang membahaskan tentang keindahan alam yang diperlihatkan pada hasil-hasil seni oleh sesebuah masyarakat penciptanya. Seterusnya, kearifan tradisi juga merupakan bidang ilmu pengetahuan tentang pengamatan terhadap alam semula jadi yang kemudiannya diterjemahkan kepada hasil-hasil seni yang menggambarkan kreativiti dan pola pemikiran sesebuah masyarakat.

Cadangan penyelidikan membincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk melestarikan seni tatu sebagai salah satu warisan seni rupa dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana tradisi seni tatu merupakan salah satu warisan yang melambangkan simbol identiti masyarakat Iban di Sarawak.

RUJUKAN

Abdullah, I.H., & Hashim, R.S. (n.d), 2009. A cognitive semantics analysis of a nature in Malay. *European Journal of Social Sciences*, 8(1), 140-151.

Sabang N. (2014). *Adat Bertatu (Bepantang) dalam masyarakat Iban*. Academia.edu - Share research. https://www.academia.edu/8408104/Adat_Bertatu_Bepantang_dalam_masyarakat_Iban.

Ahmad, R., & Usop, H., (2014). *Conducting research in social sciences and management studies*. Malaysia: RS Publishing House.

Anak Jumbo, S., & Bebit, M. P. (2020). A deconstruction of the traditional Bunga Terung tattoo and the sequence of its application among Iban men from Julau, Sarawak, Sungai Utik and

- Sungai Sadap putussibau Indonesia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1), 77–86. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2794>
- Anak Osup, C. (2019). The oral literature of the Iban in Borneo. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 132–140. <https://doi.org/10.33306/mjssh11>
- Anggo, F. (2014). Seni motif tatu tradisional masyarakat Iban dan masyarakat Kayan-Kenyah di Sarawak.
- Aryanti, D. R., Sumawinata, S., & Fathiraini, N. (2022). Tradisi Tatu Dayak Sebagai Simbol Strata Sosial. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 39-44.
- Benedict Sandin, 1994. “*Early Migrations and the Origins of Iban Culture*”, *Sarawak Museum Journal*, Vol. *Xlvi*, hlm. 79-85.
- Bilon@Senang, B. M., & Tugang, N. (2018). The Iban Traditional Religion: Miring. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 4(1), 37–42. <https://doi.org/10.33736/jbk.920.2018>
- Cresswell, J.W. (2009). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches* (3rd Edition). United States: Library of Congress Cataloging in Publications Data.
- DeMello, M. (2014). *Body Studies: An Introduction*. Routledge: Taylor & Francis
- Douglas Jaga, 1998. *Kelingkang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fakhri, M., & Kahija, Y. F. (2015). Menelusuri kehidupan pantang iban: Gambaran PSIKOLOGIS Manusia Berbudaya Tato Sebuah interpretative phenomenological analysis. *Jurnal EMPATI*, 4(2), 51–57. <https://doi.org/10.14710/empati.2015.14891>
- Ganjing, A. A. (1988). *Basic iban design: An introduction*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Ministry of Education.
- Freeman, J.D., 1955. *Iban Agriculture: A Report on the Shifting Cultivation of Hill Rice by the Iban of Sarawak*. London. Her Majesty’s Stationery Office.
- Harrison, T (ed.), 1959. *The People of Sarawak*. Kuching: Sarawak Museum.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and their religion*. Clarendon Press.
- Kanyan, R., & Zainurul, A. A. R. (2015). Exploring the semiotics of the Dayak Motifs in Sarawak. In *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*.

- Kiyai, G. (2022). Sejarah Budaya Ngayau Dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Ngayau Culture in the Iban Community in Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 6 (1), 121-137.
- Lamnek. (1995). *Qualitative Analysis in Specific Contexts*. Sarantakos S., *Social Research*, (1993), (305-306). Charles Sturt University: Riverina.
- Osman, M. S., Asri, A., & Shaik Hussain, S. A. (2021). Falsafah Alam Takambang Jadi Guru Dalam Kearifan tradisi Masyarakat Iban: Seni Tatu. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 1–15. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.2.268>
- Pringle, R. 2010. *Rajah and Rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule: 1841-1941*. Second Publication. Kota Samarahan. UNIMAS
- Sandin, Benedict, 1967. *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: Macmillan.
- Saging, S., & Baco, Z. (2022). SIMBOLIK MOTIF-MOTIF TATU TRADISIONAL MASYARAKAT KAUM IBAN DI LUBOK ANTU, SRI AMAN, SARAWAK: Symbolic of the Traditional Tattoo Motifs of the Iban People in Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 7(1), 155-172.
- Sutlive, Vinson H., Jr., 1992. *The Iban of Sarawak: Chronicle of a Vanishing World*. Kuala Lumpur. S. Abdul Majeed & Co. Tanner A.
- Richards, A.J. 1959. "The Iban People (1)" dlm. Tom Harrison (ed.) *The People of Sarawak*. Kuching: Sarawak Museum, hlm. 9-27.
- Rosline Sandai, 2012. "Mimpi Sebagai Sumber Pengetahuan Peribumi Masyarakat Iban". Kertas Kerja dalam Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Folklor Borneo Kalimantan. Anjuran UPSI dan USM. 6-8 November. Kuching, Sarawak.
- Rousseau, Jerome, 2000. *Central Borneo: Ethnic Identity and Social Life in Stratified Society*. Oxford: Clarendon Press.
- Talib, O. (2013). *Asas Penulisan tesis, Penyelidikan & Statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tagie, G., Taharuddin, N. S., & Ibrahim, N. A. (2020). The 'kelingai motif' in Iban's tattoo motif; a case study of Kampung Gayau Ulu Pantu, Sri Aman Sarawak. *Ideology Journal*, 5(1), 8–16. <https://doi.org/10.24191/ideology.v5i1.180>
- Taharuddin, N. S. (2020). The 'Kelingai motif' in Iban's Tattoo motif. *Ideology*, 5(1), 33-42.

SENARAI INFORMAN

- Sigi Singau (73 tahun), Rumah Sigi, Sarikei
Paulus Sigat (88 tahun), Penghulu Kampung Sare, Sarikei
Uma Kujat (77 tahun), *Tuai Beburung*, Kampung Ibol, Sri Aman
Bajut Puguan (69 tahun) *Indu Nengkebang Indu Muntang*, Kampung Ibol, Sri Aman
Dato Sri Edmund Langgu Saga (88 tahun) Pakar Budaya Iban, Kuching
Louis Samai (33 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Kuching
Ernesto Kalum Umpie (51 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Kuching
Robinson Unau Gaong (43 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Kuching
Andy Austin (44 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Sibul
Richie Vikendall (35 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Bintulu
Eddie Enjeruh (36 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Sebauh
Dr Gregory Kiyai (33 tahun) Penyelidik Budaya Iban, City University, Petaling Jaya
Unsa Meringai (68 tahun) *Lemambang*, Rumah Sidi, Sungai Lipa, Miri
Kenny Merdan, (41 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Sri Aman
Sylvester Juli (49 tahun) Pakar Pembuat Tatu Iban, Miri
Tugang Rima (87 tahun) *Tuai Piring*, Rumah Kunjang, Entawa Asal, Undop, Sri Aman

